



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN BIL.2 2026 DAN PELANCARAN PROGRAM IHYA'
RAMADAN 1447H**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN PERDANA NUR / 23 FEBRUARI 2026 (ISNIN) / 2.30
PETANG**

Dikemas kini pada 20 Februari 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis & Pembaca Doa

1. Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dapat kita bersama-sama hadir dan berkumpul di Majlis Perhimpunan KPWKM Bilangan 2 Tahun 2026. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selaku tuan rumah Majlis Perhimpunan pada hari ini.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Menyambut Ramadan 1447 Hijrah** dan **Selamat Menunaikan Ibadah Puasa** kepada semua warga kementerian. Bulan Ramadan membuka peluang untuk kita memperbaiki diri, meningkatkan ibadah dan menimba pahala berlipat ganda. Marilah kita jadikan Ramadan ini untuk memperkukuh amal soleh, mengeratkan ukhuwah dan meningkatkan khidmat bakti kita kepada masyarakat.

3. Sempena bulan yang mulia ini, suka saya mengingatkan warga KPWKM agar mengutamakan integriti dalam setiap tindakan. Apa sahaja keputusan atau perkhidmatan yang kita sampaikan kepada rakyat harus jujur, telus, boleh dipercayai dan dalam masa yang sama ia juga harus cepat, tepat dan efisien.

4. Tan Sri KSN baru-baru ini menyarankan pendekatan tanpa kertas bagi urusan mudah mulai 9 Februari 2026 sebagai usaha memodenkan pentadbiran, menjimatkan sumber dan memelihara kelestarian alam sekitar. Justeru, saya menyeru agar jabatan dan agensi di bawah KPWKM menyambut seruan berkenaan kerana ia menjimatkan kos, mempercepatkan proses kerja dan meningkatkan kecekapan organisasi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Pada 22–23 Januari lalu, KPWKM telah mencipta sejarah di peringkat antarabangsa apabila terlibat dalam Sesi Ke-100 Jawatankuasa mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva, Switzerland.

6. CRC merupakan instrumen hak asasi manusia yang mengandungi 54 artikel merangkumi pelbagai isu, dan menjadi tanggungjawab negara untuk melaporkan situasi hak kanak-kanak di Malaysia. Pelbagai Kementerian terlibat dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada di Geneva mahupun pusat operasi di Kuala Lumpur.

7. 2026 merupakan tahun yang bermakna buat JKM kerana tahun ini genaplah 80 tahun penubuhannya. Pelbagai fasa perubahan telah dilalui sebagai Jabatan yang menjadi benteng utama kebajikan negara. Saya dimaklumkan Sambutan 80 Tahun JKM akan diadakan pada April 2026 dan insya-Allah akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

8. Sambutan ini merupakan satu detik penting untuk kita mengenang perjalanan panjang JKM serta menghargai sumbangan besar Jabatan ini kepada negara dan rakyat selama lapan dekad. Kepada barisan hadapan JKM, saudara saudari adalah wira tidak didendang. Teruskanlah khidmat bakti dengan semangat kebersamaan dan iltizam yang tinggi. Yakinlah bahawa setiap usaha dan pengorbanan warga JKM amat dihargai dan sentiasa dekat di hati saya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Suka saya berkongsi mengenai **Program RYTHM – Ritma Kehidupan Harmoni** di bawah Belanjawan 2026 hasil kerjasama JKM, KBS dan KPT yang melibatkan belia serta pelajar IPT dalam bidang kesihatan untuk turun padang memberi khidmat kepada warga emas dan OKU. Program ini membantu kumpulan sasar sekali gus membentuk generasi muda yang prihatin serta bertanggungjawab.

10. **Pusat Perkhidmatan Autisme (PPA)** akan diperluaskan ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak sebagai langkah memastikan akses intervensi awal dan sokongan perkembangan kanak-kanak autisme dapat dinikmati secara lebih menyeluruh di seluruh negara. Pengembangan ini dijangka memberi manfaat kepada lebih **13 ribu kanak-kanak autisme serta keluarga.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yayasan Kebajikan Negara (YKN) atas pelaksanaan **Mindness Tour: Kaunseling Kasih PSSS** pada sepanjang bulan Januari 2026. Program ini bertujuan membawa perkhidmatan sokongan psikososial dan kesihatan mental terus ke komuniti, khususnya bagi mereka yang menghadapi tekanan emosi dan cabaran hidup.

12. Dalam masa yang sama, saya amat berpuas hati atas kerjasama strategik antara **YKN dan penyanyi rock Ella**. YKN telah dipilih sebagai penerima sumbangan hasil penjualan tiket Konsert Majlis Tertinggi Rockqueen Ella 2026, di mana RM2 daripada setiap tiket disalurkan kepada YKN bagi menyokong program kebajikan. Ini bukanlah kali pertama beliau menyumbang dan saya mengharapkan agar kerjasama seumpama ini dapat diteruskan di masa akan datang.

13. Selain itu, YKN juga memperluas **Program Wanita Bangkit Bersasar: Mekar Dinamik YKN** bagi meningkatkan kemandirian wanita, memperkuat kestabilan ekonomi diri dan keluarga, serta membina keyakinan wanita untuk bangkit meneruskan kehidupan dengan lebih bermaruah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Sekalung tahniah juga saya huluskan kepada Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) atas penganjuran **Majlis Amanat Bersama Kaunselor Berdaftar dan Seminar Profesional Kaunselor** pada 28 Januari 2026 yang dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri. Program ini mengetengahkan isu bahawa teknologi Kecerdasan Buatan (AI) boleh membantu, tetapi sentuhan empati dan nilai kemanusiaan tidak boleh digantikan.

15. Sejalan dengan aspirasi pemodenan perkhidmatan, LKM telah pembangunan **Sistem Pengurusan Kaunselor Berdaftar (MYeLKM)**. **Sistem ini dibangunkan** bagi tujuan pendaftaran dan pemantauan kompetensi berterusan. Langkah ini memperkukuh profesionalisme dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap profesion kaunselor di Malaysia.

16. Institut Sosial Malaysia (ISM) pula telah menganjurkan **Bicara Eksekutif Siri 2/2026: Refleksi Penglibatan Malaysia Dalam Convention on The Rights of The Child (CRC): Perspektif KPWKM** pada 10 Februari 2026. Program ini berjaya meningkatkan literasi dasar kepada **778 orang peserta** mengenai obligasi antarabangsa Malaysia serta rasional reservasi terhadap fasal tertentu yang disesuaikan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Syariah.

17. Pada 28 Januari 2026, Jabatan Pembangunan Wanita telah menganjurkan **Program Inspirasi Wanita: Potensi ke Legasi dan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 Zon Borneo** di Kuching dan dirasmikan oleh Premier Sarawak dengan penyertaan **500 peserta** termasuk hampir 200 tokoh wanita dan peserta Program PERANTIS 2025 Zon Borneo.

18. Selain itu, **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Peringkat Negeri Pulau Pinang** pula telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri pada 4 Februari 2026 dengan penyertaan **235 peserta**. Inisiatif ini sekali lagi menjadi bukti komitmen KPWKM dalam memperkasakan golongan wanita di Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. **LPPKN dan Universiti Malaya telah memeterai MoA lima tahun bermula Februari 2026 sehingga 2031.** Kerjasama ini akan memperkukuh penyelidikan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif, membangunkan kapasiti melalui latihan serta pertukaran kepakaran dan memastikan data penyelidikan menyokong dasar serta program ilmiah.

20. Januari sebagai Bulan Kesedaran Kanser Serviks diserikan lagi dengan pelaksanaan **program Pemerkasaan Komuniti melalui Duta Etnik** dengan fokus kepada saringan HPV DNA. Sebanyak **50 duta etnik dan NGO** telah dilantik untuk menjalankan sekurang-kurangnya lima sesi kesedaran di komuniti khususnya wanita Orang Asli, etnik pedalaman dan komuniti terpencil.

21. Kita juga telah menyaksikan peluncuran **Dasar KASIH Keluarga Negara** oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 14 Februari 2026 di Ipoh, Perak. Peluncuran yang mendapat liputan media yang meluas ini menjadi kerangka sosial nasional dalam memperkukuh institusi keluarga selaras aspirasi Malaysia MADANI.

22. Saya juga ingin menyentuh mengenai **Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS)**. Sehingga 31 Januari 2026, sebanyak **79 aduan telah didaftarkan** dan **55 daripadanya berjaya diselesaikan dalam tempoh 60 hari**. Ini membuktikan bahawa akses keadilan kepada mangsa dapat dilaksanakan dengan cepat, mudah dan berkos minimum.

Hadirin yang dihormati sekalian,

23. Pada 29 Januari - 1 Februari 2026, KPWKM telah menyertai Hari Terbuka Putrajaya dan menerima Anugerah Saguhati Reruai Kementerian Terbaik atas penyediaan perkhidmatan yang berinformatif dan mesra pengunjung. Tahniah saya ucapkan kepada UKK, Talian Kasih 15999, team PSSS, JPW dan JKM yang terlibat dalam reruai berkenaan.

24. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, suka untuk saya menyentuh satu lagi program penting bagi bulan Ramadan ini iaitu **Program Ihya' Ramadan** dengan tema **“Ramadan Pengukuh Keluarga, Penyemai Kasih Sayang Dalam Masyarakat”**. Program ini membawa makna pembangunan insan pada peringkat individu, pemeraksanaan institusi keluarga serta pembinaan masyarakat yang sejahtera dan berteraskan nilai kemanusiaan.

25. Pelbagai aktiviti pengisian rohani dan kebajikan telah dirancang dengan rapi oleh **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan, Surau Al-Hasanah, KESKEB dan PUSPANITA**. Antara pengisian yang akan dilaksanakan termasuklah Program **Tadarrus al-Quran secara berkumpulan; Tazkirah Ramadan; Majlis Khatam al-Quran; Iftar Perdana dan Agihan juadah berbuka puasa serta program infaq Gerobok Rezeki.**

26. Akhir kata sekali lagi saya mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada semua warga kementerian yang beragama Islam dan marilah kita jadikan perhimpunan ini untuk mengerat dan memantapkan hubungan sesama kita dengan penuh keikhlasan tanpa mengira latar belakang.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
23 FEBRUARI 2026